

Pelaksanaan Pentaksiran Kerja Kursus Kemahiran Hidup Bersepadu Di Sekolah Menengah Daerah Pasir Mas, Kelantan

Mohd Anuar B. Abd Rahman & Rosli Bin Ilyas

Fakulti Pendidikan

Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Kajian diskriptif yang dijalankan adalah bertujuan mengenalpasti pengetahuan, kemahiran, sikap dan masalah guru dalam melaksanakan pentaksiran kerja kursus mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu. Seramai 60 orang guru KHB di Sekolah Menengah Kebangsaan daerah Pasir Mas, Kelantan telah dijadikan responden kajian. Soal selidik sebagai alat kajian dan dibina berdasarkan dokumen pentaksiran kerja kursus KHB daripada Lembaga Peperiksaan Malaysia. Hasil analisis daripada kajian rintis menunjukkan nilai kebolehpercayaan soal selidik adalah tinggi (Alpha cronbach 0.89). Data yang diperolehi dianalisa bagi mendapatkan frekuensi, peratusan, min dan ujian t. Hasil kajian menunjukkan tahap pengetahuan pentaksiran kerja kursus KHB dikalangan guru-guru KHB adalah tinggi manakala tahap kemahiran, sikap dan bentuk masalah menunjukkan tahap sederhana. Hipotesis kajian menunjukkan tiada perbezaan pengetahuan, kemahiran dan sikap antara guru KHB lelaki dengan guru KHB perempuan. Secara keseluruhannya, guruguru KHB dapat memahami dan melaksanakan pentaksiran kerja kursus KHB dengan baik. Akhir sekali beberapa cadangan telah dikemukakan.

Katakunci : pentaksiran kerja kursus, Kemahiran Hidup Bersepadu

Pendahuluan

Pada awal tahun 1965, pendidikan aneka jurusan iaitu Sains Pertanian, Sains Rumah tangga, Seni Perusahaan, dan Perdagangan telah dilaksanakan yang mana pelajar dibenarkan hanya memilih satu bidang daripada empat pilhan yang ditawarkan. Oleh itu dalam sistem pendidikan aneka jurusan pelajar hanya belajar satu kemahiran sahaja dan ini tidak memberi peluang pelajar-pelajar mempelajari pilhan lain. Berdasarkan daripada kelemahan pendidikan aneka jurusan, mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu diperkenalkan pada tahun 1989 yang bercorak terbuka yang mana pelajar berpeluang mempelajari semua bidang elektif. Mata pelajaran ini merupakan sebahagian usaha pendidikan ke arah mempertingkatkan kemahiran teknologi dan keusahawanan. Mata pelajaran ini membekalkan kemahiran yang berguna dan berfungsi agar murid boleh bertindak dan mengendalikan kehidupan harian secara produktif dalam dunia teknologi dan industri yang kompleks dan sentiasa berubah. Pelajar dipupuk sikap kerja yang positif seperti menghargai kerja yang berkualiti tinggi, berinovasi dalam pembinaan projek, penuh yakin dan berdikari dalam daya usaha.

Mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) merupakan satu mata pelajaran amali yang berunsurkan teknologi. Ia ditawarkan kepada semua pelajar di Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3. Matapelajaran ini dirancang adalah untuk mencapai matlamat ke arah mempertingkatkan produktiviti negara melalui penglibatan masyarakat secara kreatif, inovatif dan produktif (Huraian Sukatan Pelajaran KHB Tingkatan 1, 2003). Mata pelajaran Kemahiran Bersepadu (KHB), mempunyai dua komponen iaitu bahagian teras dan pilhan. Bahagian teras mengandungi tiga bahagian iaitu Kemahiran Manipulatif, Perdagangan dan Keusahawanan serta Kekeluargaan. Bahagian pilihan pula mengandungi 3 bahagian iaitu pilihan Kemahiran Manipulatif, Ekonomi Rumah tangga dan Pertanian.

Penyataan Masalah

Berdasarkan latar belakang di atas kajian ini bertujuan melihat kefahaman guru kemahiran hidup terhadap kriteria penilaian kerja kursus dan kekangan yang dihadapi dalam menilai kerja kursus tersebut. Kajian ini bertujuan untuk mendapat maklumat tentang permasalahan yang dihadapi dalam menilai kerja kursus kemahiran hidup di peringkat Penilaian Menengah Rendah, dikalangan guru-guru kemahiran hidup di Daerah Pasir Mas, Kelantan

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk :

1. Mengenal pasti tahap pengetahuan, kemahiran, dan sikap guru-guru KHB dalam melaksanakan pentaksiran kerja kursus KHB.
2. Mengenal pasti bentuk masalah yang dihadapi oleh guru-guru Kemahiran Hidup semasa menjalankan pentaksiran kerja kursus KHB.
3. Melihat perbezaan tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap antara guru lelaki dan perempuan dalam melaksanakan pentaksiran kerja kursus KHB.

Kepentingan Kajian

Hasil dari kajian ini nanti diharap dapat memberi panduan dan rujukan kepada pihak sekolah amnya dan guru-guru KHB khususnya dalam melaksanakan pentaksiran kerja kursus. Hasil dari kajian ini juga diharapkan dapat digunakan oleh Jabatan Pelajaran Negeri menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh guru-guru KHB. Kesimpulannya hasil daripada kajian ini dapat digunakan oleh pihak pelaksanaan dasar khususnya, Kementerian Pendidikan untuk dijadikan panduan dalam merangka dasar ataupun program-program tertentu untuk kepentingan guruguru KHB.

Reka Bentuk Kajian

Kajian yang dijalankan adalah berbentuk deskriptif atau keperihaluan iaitu kajian tinjauan dengan mengambil data menggunakan soal selidik (Mohamad Najib, 1999). Alat kajian yang akan digunakan dalam kajian ini ialah soal selidik yang merupakan satu instrumen yang kerap digunakan dalam kajian deskriptif. Penggunaan soal selidik memudahkan responden memberi kerjasama dan dapat menyatakan pendapat bebas serta menilai mengikut persoalan yang dikemukakan. Soal selidik ini dikemukakan kepada responden yang terdiri daripada guru-guru KHB di sekola menengah daerah Pasir Mas, Kelantan untuk mendapatkan maklumat dan data mengenai kesediaan guru-guru KHB dari segi tahap pengetahuan, tahap kemahiran dan sikap serta masalah yang dihadapi dalam melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB

Sampel Kajian

Populasi merupakan sampel kajian terdiri daripada 60 orang guru-guru KHB yang mengajar KHB Tingkatan satu hingga Tingkatan tiga di 12 buah sekolah menengah kebangsaan di daerah Pasir Mas, Kelantan.

Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah menggunakan set soal selidik untuk maklumat dari responden. Soalan-soalan ini dibahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A mengandungi 8 soalan bagi mendapatkan maklumat tentang diri responden. Bahagian ini menggunakan skala nominal bagi memudahkan responden menjawab

dengan menanda pada kotak jawapan pilihan. Bahagian B terdiri daripada 40 item yang mewakili 4 pembolehubah kajian. 10 item mewakili pembolehubah kesediaan guru dari segi pengetahuan dalam melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB. 10 item mewakili pembolehubah kesediaan guru dari segi kemahiran dalam melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB. 10 item mewakili pembolehubah kesediaan guru dari segi sikap dalam melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB. 12 item mewakili pembolehubah masalah yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB.

Jadual 1 : Taburan soalan mengikut persoalan kajian

Persoalan Kajian	Nombor Item	Jumlah Item
Apakah tahap pengetahuan guru-guru KIIB dalam melaksanakan pentaksiran kerja kursus KHB	1,2,3,4,5,6,7,8,9,10	10
Apakah tahap kemahiran guru-guru KHB dalam melaksanakan pentaksiran kerja kursus KHB	11,12,13,14,15,16,17,18,19,20	10
Apakah sikap guru-guru KHB dalam melaksanakan pentaksiran kerja kursus KHB.	21,22,23,24,25,26,27,28,29,30	10
Apakah bentuk masalah yang dihadapi oleh guru-guru KHB semasa melaksanakan pentaksiran kerja kursus KHB	31,32,33,34,35,36,37,38,39,40,41,42	12

Jawapan kepada soal selidik Bahagian B menggunakan Skala Likert yang mengandungi lima aras iaitu sangat tidak setuju (STS), tidak setuju (TS), kurang setuju (KS), setuju (S) dan sangat setuju (SS). Skala Likert digunakan untuk mengukur persepsi responden terhadap kenyataan yang diberikan dalam soal selidik. Skala Likert digunakan dalam penyelidikan ini kerana ianya mudah diurus dan digunakan, item-itemnya mudah dijawab oleh responden dan data yang dipungut mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi. Skor bagi Skala Likert ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2 : Skor Skala Lima Mata

Skor	Aras
1	Sangat Tidak Setuju (STS)
2	Tidak Setuju (TS)
3	Kurang Setuju (KS)
4	Setuju (S)
5	Sangat Setuju (SS)

Ubahsuai dari Mohamad Najib (1999)

Responden dikehendaki menjawab dengan menandakan skor yang terdapat pada penghujung item-item yang dikemukakan dengan membulatkan nombor skor. Jika responden sangat setuju dengan kenyataan yang diberikan, mereka akan menanda dengan membulatkan skor 5. Jika responden sangat tidak setuju dengan kenyataan yang diberikan, mereka akan menanda dengan membulatkan skor 1. Responden dikehendaki menanda hanya satu skor sahaja pada setiap kenyataan yang diberikan bersesuaian dengan pilihannya.

Kajian Rintis

Sebelum set item soal selidik diedarkan kepada populasi terlebih dahulu satu kajian rintis telah dijalankan bagi menguji keesahan dan kebolehpercayaan item untuk mendapatkan kesesuaian penggunaan item. Kajian rintis telah dijalankan kepada 10 orang guru KHB yang terlibat dalam melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB di Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Johor Jaya 1, Johor Bahru.

Analisis data kajian rintis menggunakan statistik Alpha Cronbach iaitu realibility coefficient atau pekali kebolehpercayaan untuk menguji keesahan dan kebolehpercayaan item. Jadual 3.3 menunjukkan nilai pekali Alpha Cronbach, jika nilai alpha menghampiri 1 bermakna kebolehpercayaan amat tinggi, baik dan berkesan. Jika nilai antara 0.6 hingga 0.7 ia boleh diterima dan jika melebihi 0.8 adalah sangat baik.

Jadual 3 : Nilai Statistik Alpha Cronbach

Nilai	Tahap
0.0 – 0.2	Rendah (ubah ke semua item)
0.2 – 0.8	Sedertana (ubah sebilangan item)
0.8 – 1.0	Tinggi (item boleh diterima)

Ubahsuai dari Mohamad Najib, 1999

Hasil analisis data yang diperolehi daripada kajian rintis menggunakan alpha cronbach adalah 0.89, ini menunjukkan item-item soal selidik ini mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi. Oleh itu adalah diyakini item-item yang dibina mempunyai kebolehpercayaan yang baik dan boleh digunakan untuk kajian sebenar.

Analisis Data

Jadual 4 dibawah menunjukkan item-item yang telah dianalisis bagi persoalan kajian kedua tentang tahap kemahiran guru-guru KHB dalam melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB

Jadual 4 : Taburan responden berdasarkan tahap kemahiran dalam melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB

Bil	Item	S1S	1S	KS	S	SS	Min
		F	f	f	f	f	Sisihan
		%	%	%	%	%	Piawai
11	Saya dapat menilai aspek penghasilan projek reka bentuk dengan baik.	-	3	4	27	16	4.12
		-	6	8	54	32	0.79
12	Saya dapat menilai penggunaan alatan tangan oleh pelajar dengan betul.	1	2	3	24	20	4.20
		2	4	6	48	40	0.88
13	Saya dapat menilai pendokumentasian pelajar mengikut kriteria yang ditetapkan dalam dokumen pentaksiran KHB.	-	1	3	29	17	4.24
		-	2	6	58	34	0.65
14	Saya mahir dalam semua bidang KHB.	4	15	13	12	6	3.02
		8	30	26	24	12	1.16
15	Saya mahir dalam menilai lukisan skematik yang dihasilkan oleh pelajar dengan baik.	3	6	9	24	8	3.56
		6	12	18	48	16	1.09
16	Saya dapat membantu pelajar dalam pengenalpastian masalah projek reka cipta.	-	-	4	34	12	4.16
		-	-	8	68	24	0.54
17	Saya boleh menggunakan alatan lukisan teknik dengan baik.	1	5	5	29	10	3.84
		2	10	10	58	20	0.93
18	Saya dapat menerangkan kriteria pentaksiran kerja kursus kepada pelajar dengan baik.	-	-	3	28	19	4.32
		-	-	6	56	38	0.58
19	Saya dapat menguruskan bengkel dengan baik.	-	1	4	30	15	4.18
		-	2	8	60	30	0.66
20	Saya boleh menjalankan aktiviti tunjuk cara secara berkesan.	-	-	5	27	18	4.26
		-	-	10	54	36	0.63
Purata							3.99
							0.56

Jadual 4 menunjukkan analisis data taburan responden mengikut min tahap kemahiran guru-guru KHB dalam melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB. Min keseluruhan ialah 3.99 yang menunjukkan berada pada tahap sederhana tinggi. Terdapat tujuh item yang mempunyai min melebihi dari min keseluruhan dan 3 item lagi mempunyai min yang kurang dari min keseluruhan, tetapi masih lagi berada dalam lingkungan tahap sederhana tinggi min 3.00 ke atas. Min tertinggi di dalam jadual ini ialah 4.32 iaitu pada item 18 di mana 94 peratus bersetuju yang mana guru-guru KHB mempunyai tahap kemahiran tentang pelaksanaan Pentaksiran Kerja Kursus KHB.

Nilai min terendah pula terdapat pada item 14 di mana nilai min sama 3.02 iaitu berada pada tahap yang sederhana tinggi. Ini menunjukkan guru-guru KHB di daerah Pasir Mas, Kelantan mempunyai tahap kemahiran yang baik dan berpengalaman dalam menilai Pentaksiran Kerja Kursus KHB.

Rumusan Kajian

Salah satu aspek yang menjadi tumpuan kajian ialah peranan guru sebagai pentaksir dalam mencapai keberkesanan PBS khususnya bagi pentaksiran kerja kursus KHB. Kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan, tahap kemahiran, sikap dan masalah yang dihadapi oleh guru-guru KHB dalam melaksanakan pentaksiran kerja kursus KHB di sekolah menengah bagi peperiksaan PMR.

Kajian ini berbentuk kuantitatif iaitu pengumpulan data menggunakan boring soal selidik yang membabitkan 50 orang responden dari kalangan guru-guru yang mengajar mata pelajaran KHB di sekolah menengah daerah Pasir Mas, Kelantan. Soalan soal selidik yang digunakan mengandungi dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B yang menjurus kepada latar belakang responden dan persoalan kajian. Data-data kualitatif yang diperolehi kemudiannya dianalisis berdasarkan statistic deskriptif iaitu frekuensi, peratusan dan min menggunakan perisian SPSS versi 14.0. Di samping itu hipotesis kajian dianalisis menggunakan statistik inferensi iaitu Ujian-t bagi melihat perbezaan yang wujud antara jantina dari segi tahap pengetahuan, tahap kemahiran dan sikap dalam melaksanakan pentaksiran kerja kursus KHB.

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, dapatan menunjukkan :

1. Majoriti guru-guru KHB yang terlibat dalam kajian ini adalah perempuan (52 %), memiliki kelulusan peringkat ijazah (64 %), guruguru bukan pengkhususan KHB (54 %) melebihi guru-guru pengkhususan KHB (46 %), mengajar lebih daripada 5 kelas seminggu (58 %), memiliki pengalaman mengajar mata pelajaran KHB melebihi 5 tahun (64 %), berpengalaman mengendalikan penilaian kerja kursus KHB kurang dari 5 tahun (52 %). Kebanyakan guru-guru ini mendapat pendedahan maklumat tentang pentaksiran kerja kursus KHB melalui kursus (78 %) dan terlibat secara langsung mengajar mata pelajaran lain selain daripada mata pelajaran KHB (72 %).
2. Pengetahuan guru-guru KHB sekolah menengah daerah Pasir Mas, Kelantan dalam melaksanakan pentaksiran kerja kursus KHB berada pada tahap tinggi. Majoriti (92 %) mengakui pengetahuan tentang pentaksiran kerja kursus KHB meningkat setelah mendapat pendedahan tentang pelaksanaannya. Namun begitu, sebahagian daripada guru-guru KHB (11%) kurang mendapat pengetahuan tambahan tentang pentaksiran kerja kursus KHB daripada JPN dan LPM.
3. Kemahiran guru-guru KHB sekolah menengah daerah Pasir Mas, Kelantan dalam melaksanakan pentaksiran kerja kursus KHB pada tahap sederhana tinggi. Majoriti mahir dalam menilai pendokumentasian pelajar (92 %), menilai penggunaan alatan oleh pelajar (88 %) dan mahir dalam aktiviti tunjuk cara secara berkesan (80 %). Namun begitu, majoriti (36 %) mengakui bahawa penguasaan kemahiran dalam semua bidang KHB adalah belum mencukupi.
4. Guru-guru KHB sekolah menengah daerah Pasir Mas, Kelantan menunjukkan sikap yang positif dalam melaksanakan pentaksiran kerja kursus KHB berdasarkan nilai purata min pada tahap positif. Majoriti (98 %) sering berbincang dan bertukar-tukar pendapat berkenaan pentaksiran kerja kursus KHB dan mereka sanggup (98 %) memastikan pelajar menyiapkan kerja kursus pada masa yang ditetapkan. Namun begitu, sebahagian daripada guru-guru KHB ini (26 %) menganggap tugas menilai kerja kursus adalah membebankan dan ada di antaranya (52 %) tidak sanggup meluangkan masa lapang untuk menyelesaikan proses menilai kerja kursus KHB.
5. Masalah yang kerap dihadapi oleh guru-guru KHB dalam melaksanakan pentaksiran kerja kursus KHB ialah dari segi masa, majoriti (46 %) mengakui tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk menyelia setiap langkah kerja yang dilakukan oleh pelajar dan (44 %) tidak mempunyai masa untuk membimbing semula pelajar yang lemah dalam menyiapkan projek kerja kursus. Selain itu majoriti (40 %) guru-guru KHB turut mengakui bahawa proses

mengendalikan pentaksiran kerja kursus mengganggu tugas-tugas yang lain. Terdapat juga di kalangan guru-guru KHB ini (52 %) tidak dapat menghabiskan sukatan pelajaran akibat daripada tidak mengikut perancangan tahunan dengan teliti.

Rujukan

- Crow and Crow. (1980). *Psikologi Pendidikan Untuk Perguruan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan Mohd Ali (1996). *Strategi Lulus Peperiksaan Dengan Cemerlang*. Kuala Lumpur. Utusan Publishing dan Distributor Sdn. Bhd.
- Jalilah Saad (2002). "*Kefahaman Guru Terhadap Kriteria Penilaian Projek Kerja Kursus Kemahiran Hidup di Peringkat Penilaian Menengah Rendah*". UTM: Tesis Sarjana Muda
- Jawatankuasa Projek Peningkatan Profesional Ahli Panel Subjektif (2001). *Perealisasikan Item Subjektif (Esei, Struktur dan Kerja Kursus)*. Kuala Lumpur : Lembaga Peperiksaan Malaysia. Tidak diterbitkan.
- Kamus Dewan (1993). *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Lee Shook Mee and Mok Soon Sang (1991). *Pengujian dan Penilaian Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman Sdn Bhd
- Mohd Salleh Lebar (1998). *Pengenalan Ringkas Sosiologi Sekolah Dan Pendidikan*. Selangor : Thinkers Library Sdn Bhd.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar. (1998). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: UTM
- Nor Aini Giman (2005). "*Permasalahan Yang Dihadapi Oleh Guru Wanita KHB Dalam Melakukan Projek Kerja Kursus Kemahiran Hidup Bersepadu Di Peringkat Penilaian Menengah Rendah di Sekolah Menengah Daerah Muar*" : Satu Kajian Kes. UTM: Tesis Sarjana Muda
- Omar Man, Hj. (1989) "*Penilaian Kerja Kursus Dalam Peperiksaan SPM(V) : Peranan Guru Sebagai Penilai*." Kertas Kerja Taklimat Penilaian Kerja Kursus Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (Vokasional) 1989. Tidak diterbitkan.
- Pusat Perkembangan Kurikulum (1989). *Draf Kemahiran Hidup Program Peralihan*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia
- Pusat Perkembangan Kurikulum (1992). *Huraian Sukatan Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu Tingkatan III*. Kuala Lumpur : Kementerian Pendidikan Malaysia
- Sulaiman ngah razali(1996). *Analisis Data Dalam Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Thorndike, R.M., Cunningham, G.K and Hagen, E.P. (1991) "*Measurement and Evaluation in Psychology and Education*" 5th ed. New York : Macmillan Publishing co.
- Widad bt Othman dan Syed Hadzir Jamalululail (1996). "*Kemampuan Pelajar Dalam Mengaplikasikan Kemahiran Hidup Dalam Kehidupannya*." Jurnal pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia. Jilid 2, Bil 1 (46-58)
- Yahya bin Emat. (1993). "*Pendidikan Teknik dan Vokasional di Malaysia*". Selangor: IBS Book Sdn. Bhd.